

SISTEM PUNGUTAN DAN AGIHAN ZAKAT  
FITRAH: KAJIAN DI BAITULMAL NEGERI  
SEMBOLAN

DZIAUDDIN SHARIF

DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511292425

## *DEDIKASI*

*Istimewa untuk emak tersayang  
Pengorbananmu tiada bandingan*

*Buat apak yang diformati  
Ketabahanmu sumber inspirasi*

*Buat Along dan Angah yang dikasihi  
Sokongan kalian terlalu berharga*

*Buat Pendidik  
Terima kasih menunjukkan ku  
Ke jalan ilmu*

*Buat Azizah tercinta  
Juga teman-teman seperjuangan  
Tanpa kalian siapalah aku*

## *ABSTRAK*

*Penulisan ini memaparkan konsep zakat fitrah dari sudut fiqh klasik dan kontemporari yang merangkumi elemen asas zakat fitrah seperti dalil-dalil dari al-Qur'an, al-Hadith dan Ijmā' yang digunakan, syarat-syarat wajib, sebab wajib, rukun-rukun, hukum-hukum, hikmah dan permasalahan yang mempunyai kaitan dengannya. Ia juga menyentuh tentang sistem atau kaedah pungutan, pengeluaran dan pengagihan zakat fitrah yang telah digubal oleh 'ulamā' terdahulu bersumberkan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Kesemua huraihan dan perbahasan ini dirangkumkan di dalam bab pertama dan bab kedua dengan menyertakan pendapat para 'ulamā' yang mufatbar. Seterusnya penulisan ini membuat peninjauan tentang kaedah-kaedah yang telah dilaksanakan oleh pihak Baitulmal Negeri Sembilan dalam pengurusan dan pentadbiran sistem pungutan dan agihan zakat fitrah. Antara perkara yang dilihat adalah carta organisasi dan fungsinya, objektif, belanjawan Baitulmal, aktiviti-aktiviti, data kutipan dan agihan zakat serta beberapa strategi yang telah digunakan untuk mempertingkatkan jumlah dana zakat termasuklah kegiatan pelaburan. Di akhir bab, penulis telah mencadangkan beberapa cadangan untuk memajukan lagi sistem dan kaedah agihan zakat supaya lebih progresif dan komprehensif. Ini seterusnya dapat mencapai sasaran dan objektif zakat iaitu untuk memperbaiki taraf hidup dan ekonomi umat Islam khususnya di Malaysia.*

## *ABSTRACT*

*This writing brings forth the concept of the Zakat Fitrah from the prospective of the classic and the contemporary fiqh that embraces the basic elements of the Zakat Fitrah such as verses from the al-Qur'an, the Hadith and Ijmā', obligatory conditions, reasons for obligations, covenants, commandments, hikmahs and problems related to it. It also touches the method of collection, withdrawal and distribution of the Zakat Fitrah that have been put into place by the earlier 'ulamā' or clergymen based on the verses from the al-Qur'an and the Sunnah. All the elaborations and discussions are placed in the first two chapters which include the opinions of the 'Ulamā' Muftabar or the recognized scholars. This thesis also discusses the methods employed by the Baitulmal of Negeri Sembilan in the administration and the management of the collection and the distribution of the Zakat Fitrah. Among items focused on are the organizational charts and the functions of each part, the objectives, the budget, the activities, the collection and distribution of data and other strategies used to increase the fund including investment activities. In the final chapter, the writer suggests several ways to enhance the efficiency of the system and the methods of Zakat Fitrah's distribution in terms of progressiveness and comprehensiveness. With the implementation of the suggestions, it is hoped that the Baitulmal can achieve the objective of the Zakat Fitrah itself, which is to improve the standard of living and the economy of Muslims especially in Malaysia.*

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Ilahi di atas limpahan taufik dan keizinanNya, penulis berjaya menamatkan kajian tentang “Sistem Pungutan Dan Agihan Zakat Fitrah: Kajian Di Baitulmal Negeri Sembilan” di peringkat Ijazah Sarjana ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. agar penulisan ini tidak terkeluar dari landasan yang ditetapkan oleh agama Islam dan tatasusila semasa.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Joni Tamkin b. Borhan selaku penyelia kepada penulis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada seluruh pensyarah dan kakitangan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya terutama di Jabatan Syariah dan Ekonomi kerana membantu penulis sama ada secara langsung atau pun tidak langsung.

Seterusnya penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai dan kakitangan di Baitulmal Negeri Sembilan terutamanya kepada Ustaz Zainal b. Said selaku Pegawai Zakat Negeri, Ustaz Haji Syamsuddin b. Abdullah dan Ustaz Jalany b. Sulong yang sudi memberi kerjasama walaupun di dalam kesibukan menjalankan tugas.

Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan yang banyak membantu dalam memudahkan kerja kajian penulis iaitu Amir, Adi, Hairi, Rahim, Yuslan dan Zilali di Kolej Kediaman Pantai Puri, juga kepada En. Shahrulanuar, Cik Suhadawati, Cik Anisah, Cik Mazlen dan Shahrizal di KUTKM serta lain-lain lagi yang tidak dapat

penulis catatkan. Kenangan, kerjasama dan bantuan daripada kalian tidak mungkin dilupakan. Juga kepada ayahanda tercinta yang berusaha menjadi penterjemah kepada penulis di dalam memahami buku Arab dan kepada bonda yang tidak jemu-jemu menjadi pendorong setia. Akhirnya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Semoga jasa kalian semua mendapat ganjaran yang sewajarnya daripada Allah s.w.t. Harapan saya agar kita akan sentiasa di bawah bimbingan dan petunjukNya di dalam menjalani liku-liku kehidupan ini. Penulis berharap agar kajian ini menjadi pedoman kepada masyarakat yang prihatin tentang permasalahan ini dan juga berharap agar ahli akademik yang lain dapat meneruskan usaha-usaha yang dijalankan penulis di dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi umat Islam

Wassalam.

Dziauddin bin Sharif  
Kg. Tengkek  
72200 Batu Kikir  
Negeri Sembilan.

17 FEBRUARI 2003  
15 ZULHIJJAH 1423

## **ISI KANDUNGAN**

Kandungan	
Tajuk	
Dedikasi	i
Abstrak	ii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Transliterasi	xi
Senarai Kependekan	xiv
Senarai Jadual, Carta dan Rajah	xv
Pengenalan	xvi
Latarbelakang masalah	xvi
Skop kajian	xvii
Tujuan Kajian	xviii
Tinjauan Kajian Lepas	xix
Metodologi Penyelidikan	xxi
Masalah Kajian	xxvi

## **BAB PERTAMA : KONSEP ZAKAT FITRAH**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Hakikat fitrah	1
1.3	Definisi Zakat Fitrah	3
1.4	Dalil-Dalil Yang Mewajibkan Zakat Fitrah	5

1.5	Hikmah Zakat Fitrah	7
1.6	Hukum Zakat Fitrah	9
1.7	Siapa Yang Wajib Mengeluarkan zakat Fitrah	11
1.7.1	Orang Yang Di Bawah Kategori Tanggungan	12
1.7.2	Persoalan Janin	18
1.8	Syarat wajib zakat fitrah	18
1.9	Sebab wajib zakat fitrah	22
1.10	Kesimpulan	23

## **BAB DUA : SISTEM PUNGUTAN DAN PENGAGIHAN ZAKAT FITRAH MENURUT FIQH**

2.1	Pendahuluan	27
2.2	Pungutan/Pengeluaran zakat fitrah	27
2.2.1	Jenis-jenis makanan yang dikeluarkan untuk zakat fitrah	27
2.2.2	Kadar yang wajib dikeluarkan zakat	29
2.2.3	Masalah membayar zakat dengan nilai makanan	33
2.3	Waktu mengeluarkan zakat fitrah	36
2.3.1	Pendapat ‘ <i>ulamā</i> ’ tentang penyegearan bayaran zakat fitrah sebelum pagi hari raya	38
2.4	Pengagihan zakat fitrah	41
2.4.1	Waktu membahagikan zakat fitrah	52
2.4.2	Keutamaan pembahagian mengikut pandangan ‘ <i>ulamā</i> ’ <i>fiqh</i>	52
2.4.3	Orang yang tidak berhak menerima zakat	54
2.5	Kesimpulan	56

## **BAB TIGA : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ZAKAT FITRAH DI BAITULMAL NEGERI SEMBILAN**

3.1	Pendahuluan	60
3.2	Sejarah penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	60
3.2.1	Penubuhan dan memperbadankan MAINS menurut enakmen	62
3.2.2	Bidangkuasa Majlis	63
3.2.3	Objektif Majlis	65
3.2.4	Struktur pentadbiran organisasi Majlis	66
3.2.5	Keahlian Majlis	67
3.3	Penubuhan Baitulmal menurut enakmen	69
3.4	Struktur organisasi Baitulmal dan fungsinya	71
3.4.1	Bahagian pentadbiran dan kewangan	72
3.4.1.1	Pentadbiran am	72
3.4.1.2	Perkhidmatan	73
3.4.1.3	Kewangan dan akaun	73
3.4.1.4	Struktur bahagian pentadbiran dan kewangan	74
3.4.2	Bahagian zakat	75
3.4.2.1	Struktur organisasi bahagian zakat	77
3.4.2.2	Strategi yang digunakan dalam urusan pungutan dan pengagihan	78
3.4.2.3	Perjawatan	76
3.4.3	Bahagian pembangunan dan pelaburan	77
3.4.3.1	Projek pembangunan masa kini	81
3.4.3.2	Perjawatan	84

3.5	Kesimpulan	85
<b>BAB EMPAT : PELAKSANAAN PUNGUTAN DAN AGIHAN ZAKAT FITRAH DI NEGERI SEMBILAN</b>		
4.1	Pendahuluan	87
4.2	Pelaksanaan urusan pungutan zakat fitrah menurut enakmen	87
4.2.1	Ketetapan harga zakat fitrah	89
4.2.2	Kaedah pungutan zakat fitrah	90
4.2.3	Hasil pungutan zakat	93
4.2.4	Usaha-usaha yang dilakukan untuk menambah kutipan zakat fitrah	98
4.3	Pengagihan zakat fitrah di Negeri Sembilan	99
4.3.1	Pelaksanaan sistem agihan	103
4.3.2	Permasalahan dalam pengagihan	107
4.3.3	Mereka yang layak menerima zakat fitrah menurut enakmen	108
4.3.4	Pengagihan kepada <i>asnāf</i>	109
4.3.5	Lebihan perbelanjaan zakat	114
4.4	Kesimpulan	115

<b>BAB LIMA : ANALISIS SISTEM PUNGUTAN DAN AGIHAN ZAKAT DAN FITRAH</b>		
5.1	Pendahuluan	117
5.2	Pentadbiran Baitulmal	117
5.2.1	Permasalahan	117
5.2.1.1	1. Perjawatan	118
5.2.1.2	2. Fungsi Baitulmal yang terhad sebagai badan pengurusan zakat	120
5.2.2	Saranan	120
5.2.2.1	1. Profesionalisme dalam pengurusan zakat	120
5.2.2.2	2. Model Pengurusan Kualiti Menyeluruh (MPKM)	

dalam Pengurusan Zakat	126
5.2.3 Analisis	
1. Perjawatan dan konsep profesionalisme	129
2. Aplikasi MPKM dalam perjawatan	130
3. Bidangkuasa Baitulmal dan profesionalisme	131
5.3 Sistem Pungutan dan Agihan Zakat	133
5.3.1 Permasalahan	133
5.3.2 Saranan	134
1. Model ‘Corporate Governance’ dalam pengurusan pungutan dan agihan zakat	134
i. Konsep dan aplikasinya	134
ii. Prinsip asas	139
iii. Model ‘Corporate Accountability’ dalam pengurusan zakat’	141
iv. Pengukuran tahap akauntabiliti	142
2. Sistem Agihan Elektrik ( <i>E-Distribution</i> )	143
5.3.3 Analisis	144
1. Konsep ‘corporate governance’ dalam sistem agihan zakat	144
2. Penerapan model ‘Corporate Accountability’ dalam undang-undang zakat	146
3. Pengukuran tahap akauntabiliti menjadi penyumbang kepada kecekapan sistem pungutan dan agihan	147
5.4 Kesimpulan	
<b>KESIMPULAN</b>	154
<b>BIBLIOGRAFI</b>	157
<b>LAMPIRAN</b>	

## SISTEM TRANSLITERASI PERKATAAN ARAB

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab hendaklah seperti berikut:

- i. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ ﴿ ” (*Tā' Marbūṭah*) dieja mengikut sebutan “ ﴿ ”.
- ii. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh:  
*Sur'ah* (سُرْعَة), *sā'ah* (سَاعَة), *Quwwah* (قُوَّة).
- iii. Alif Lam ditranskiterasikan sebagai al ( sama ada bagi *Lām Syamsyyiah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam “al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataanbahasa Malaysia. Semua perkataan Arab/Inggeris (Bahasa Asing) hendaklah diitalickan kecuali nama khas.

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Nama dan trankripsi
ا	a, ‘ (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z

س	s
ش	sy
ص	§
ض	ɖ
ط	t̪
ظ	z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ۀ	h

## Vokal Panjang

ا	ã
و	ū
ى	ī

## Vokal Pendek

—	(fathah)	a
—	(dammah)	u
—	(kasrah)	i

## Diftong

أو	aw
أي	ay
يـ	iy/i
ـوـ	uww

Sumber: Buku Panduan Menulis Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## **SENARAI KEPENDEKAN**

Abd.	- Abdul
AGM	- <i>Annual General Meeting</i>
AJK	- Ahli Jawatankuasa
Cet.	- Cetakan
DNK	- Dalam Negara Kasar
Dr.	- Doktor
Ibid.	- <i>Ibedem</i> : dalam tempat yang sama
ICT	- <i>Information Communication Technology</i>
IKIM	- Institut Kefahaman Islam Malaysia
INMIND	- Institut Perkembangan Minda
IPTA	- Institut Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	- Institut Pendidikan Tinggi Swasta
JHEAINS	- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Jil.	- Jilid
Juz.	- Juzuk
KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar
KLSE	- <i>Kuala Lumpur Stock Exchange</i>
KPJSB	- Kumpulan Perubatan Johor Sendirian Berhad
KUSZA	- Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin
LUTH	- Lembaga Urusan Tabung Haji
MAINS	- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
Mohd.	- Muhammad@Mohamad@Mohamed
MPKM	- Model Pengurusan Kualiti Menyeluruh
MRA	- <i>Muslim Revert Association</i>
MS ISO	- <i>Malaysian Standard International Standard Organisation</i>
Op.cit.	- <i>opera citato</i> : dalam karya yang dirujuk
Pemb. Am	- Pembantu Am
PERKIM	- Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PKM	- Pengurusan Kualiti Menyeluruh
S.A.W	- <i>Šalla Allah ᵏAlaih Wa al-Sallam</i>
S.W.T	- <i>Subḥānahu Wa Ta’alā</i>
SRA	- Sekolah Rendah Agama
T.h.	- Tanpa halaman
T.t.	- Tanpa tarikh
Terj.	- Terjamahan
UiTM	- Universiti Teknologi Mara
YM	- Yang Mulia

## **SENARAI JADUAL, CARTA DAN RAJAH**

### **Senarai Jadual**

- JADUAL 1 : Perjawatan Dalam Zakat  
JADUAL 2 : Jumlah Pungutan Zakat dan Fitrah 1992-1999  
JADUAL 3 : Jumlah Pungutan Zakat Fitrah 1999  
JADUAL 4 : Jumlah Pungutan Zakat Fitrah 2000  
JADUAL 5 : Peruntukan Belanjawan Bagi Tahun 2000 (Fitrah dan Harta)

### **Senarai Carta**

- CARTA 1 : Struktur Organisasi Pentadbiran Majlis  
CARTA 2 : Struktur Organisasi Baitulmal dan Fungsinya  
CARTA 3 : Struktur Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
CARTA 4 : Bahagian Zakat

### **Senarai Rajah**

- RAJAH 1 : Model “Corporate Accountability” Dalam Pengurusan Zakat  
RAJAH 2 : Pengukuran tahap akauntabiliti

## PENGENALAN

Islam merupakan agama yang syumul dan sempurna. Ini dapat dilihat melalui sistem yang telah dicipta dari pelbagai aspek kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Tetapi sejauh mana ianya dapat diaplikasikan di dalam kehidupan pada masa sekarang masih lagi boleh diperbaiki dan dimajukan lagi dari segi pelaksanaannya. Justeru penulis telah memilih untuk membuat penyelidikan tentang zakat yang merupakan salah satu sumber terbesar dalam perbendaharaan negara Islam pada waktu dahulu.

## LATARBELAKANG MASALAH

Sebagaimana kita ketahui, zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam yang berkemampuan. Tidak ada alasan bagi mereka yang kaya untuk mengelakkannya kerana selain menuaikan perintah Allah *ta'ālā*, ia juga merupakan satu tanggungjawab terhadap individu dan masyarakat sekeliling. Melalui konsep keadilan dan kesaksamaan, Islam menyuruh umatnya saling bantu-membantu dengan cara pemindahan harta si kaya kepada si miskin melalui institusi zakat.

Dari sinilah institusi zakat atau baitulmal memainkan peranan penting dalam sebuah perbendaharaan ekonomi Islam. Melalui sistem ekonomi Islam pula, Baitulmal berperanan dalam meningkatkan taraf hidup umat Islam melalui sistem pungutan dan pengagihan yang efisyen. Oleh sebab itu, penulis memberi tumpuan keada zakat fitrah dan cara pengurusannya di Baitulmal Negeri Sembilan dengan

harapan agar sistem pungutan dan agihan zakat dapat ditingkatkan dari masa ke semasa serta dapat memenuhi konsep keadilan dan kesempurnaan Islam dari skop sosial dan ekonomi.

Dalam kajian ini penulis telah memperincikan lagi zakat kepada zakat fitrah iaitu salah satu zakat yang diwajibkan oleh *syara'* selain zakat harta dan yang terkini zakat pendapatan. Ia bertujuan menyucikan jiwa seseorang dari perkataan dan perbuatan sia-sia semasa berpuasa di bulan Ramadan selain bertujuan memberi bantuan kepada fakir miskin sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri agar mereka dapat bergembira pada hari tersebut seperti mana orang lain.

## SKOP KAJIAN

Kajian ini telah menumpukan kepada sistem pungutan dan agihan zakat dengan memberi penekanan kepada zakat fitrah di Negeri Sembilan. Kajian ini telah bermula pada tahun 2000 sehingga 2002 dengan memfokuskan kepada sistem pungutan dan agihan yang diamalkan oleh Baitulmal Negeri Sembilan. Skop kajian ini juga hanya bertumpu diperingkat Negeri Sembilan tanpa membandingkannya dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Perbandingan hanya dilakukan antara daerah-daerah di Negeri Sembilan. Ini bertujuan untuk memudahkan kajian dibuat secara lebih terperinci dan menyeluruh. Seterusnya data-data yang diperolehi diambil terus daripada pihak pengurusan Baitulmal selaku organisasi yang bertanggung jawab secara langsung di dalam mengumpul maklumat dan data-data yang berkaitan dengan jumlah kutipan zakat fitrah dan bilangan penerima asnaf. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan responden (pemberi zakat dan penerima zakat) di dalam mendapatkan

maklumat dan data. Cadangan terhadap kajian pula dibuat sendiri oleh penulis sendiri dan sekali lagi ianya tidak melibatkan responden secara rasmi seperti mengedarkan borang atau pun temubual.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dibuat ialah untuk memenuhi sebahagian keperluan pengijazahan sarjana syariah (secara kursus dan disertasi) iaitu sebanyak 12 jam kredit sebagaimana yang ditetapkan oleh universiti. Kajian ini juga bertujuan mendalami permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan zakat fitrah terutamanya dari sudut pelaksanaan sistem pungutan dan agihan. Ini adalah penting bagi menjamin objektif zakat tercapai memandangkan ianya membabitkan sejumlah wang dan harta yang agak besar. Sebarang kelemahan dari segi pentadbiran dan pengurusannya, sudah tentulah matlamat pensyiaratan zakat tidak akan dapat dipenuhi sepenuhnya.

Kajian ini juga bertujuan untuk menambahkan lagi pengetahuan penulis tentang konsep zakat fitrah itu sendiri dari sudut fiqh. Memandangkan kajian terperinci berkenaan zakat fitrah adalah terbatas, ianya menjadi satu dorongan kepada penulis untuk mendalami tajuk ini dengan seluas-luasnya agar pengetahuan tentang fitrah atau juga dikenali sebagai *zakāh al-nafs* sentiasa berkembang selari dengan keadaan semasa.

Di samping itu, kajian ini, berusaha memberi penjelasan kepada masyarakat tentang peranan yang dimainkan oleh Baitulmal selaku badan atau institusi yang menguruskan segala bentuk pentadbiran dan pengurusan yang

membabitkan harta zakat. Ini adalah penting kerana kebanyakan maklumat yang tergambar dalam kaca mata umat Islam sekarang adalah merupakan satu badan yang hanya menguruskan kumpulan wang yang bersifat amanah khairat semata-mata. Ianya jauh terpisah dari gambaran sebenar bahawa peranan baitulmal adalah sangat penting, sentiasa aktif dan produktif dalam menyelesaikan masalah ekonomi umat Islam yang melibatkan persoalan dasar belanjawan negeri.

Oleh sebab itu, adalah diharapkan dengan adanya kajian ini akan dapat membetulkan pandangan masyarakat terhadap peranan baitulmal dan seterusnya dapat bekerjasama serta memberi sokongan yang agresif bagi membangunkan institusi ini. Dengan ini, ia dapat dilihat sebagai sebuah pertumbuhan negara Islam dan tidak lagi sekadar satu kumpulan wang am yang terpisah dari institusi kewangan negara.

## TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Penulis menggunakan kajian-kajian yang lepas sebagai petunjuk kepada penulis dalam mencari isi kandungan yang sesuai untuk diketengahkan dan diperbincangkan di dalam tajuk tesis. Berdasarkan penyelidikan yang dibuat oleh penulis didapati tiada satu pun penyelidikan secara khusus dan terperinci berkaitan sistem pungutan dan agihan zakat fitrah di Negeri Sembilan. Namun begitu, terdapat beberapa penyelidikan berkaitan pungutan dan agihan zakat sahaja tanpa adanya fitrah iaitu "Pungutan dan Pengagihan Zakat: Kajian perbandingan di antara Pejabat Zakat Negeri Kedah dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan" oleh Muhd. Nur Ismail. Manakala penyelidikan tentang zakat yang dibuat di Negeri Sembilan pula hanya berkisar tentang institusi baitulmal sahaja tanpa membahaskan sistem

pugutan dan agihan zakat dan fitrah secara khusus iaitu kertas projek yang bertajuk "Institusi Zakat Dan Baitulmal di Negeri Sembilan Dan Pengesyoran Kepada Peranannya Dalam Bidang Ekonomi Dan Sosial" oleh Abdul Haji Lasim. Kajian ini telah dibuat pada tahun 1967.

Kajian yang dibuat oleh Muhd Nur Ismadi adalah merupakan kajian perbandingan antara Pejabat Zakat Kedah dan Wilayah Persekutuan. Beliau mengemukakan beberapa ciri perbezaan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak pengurusan dalam memungut dan mengagihkan wang zakat. Antara ciri yang menjadi perbezaan ialah dari segi akta-akta yang diperuntukkan, bidang kuasa Baitulmal di kedua-dua negeri dan keutamaan pengagihan kepada *asnāf*.

Sementara itu, kajian yang dibuat oleh Abdul Haji Lasim adalah satu kajian yang lebih menumpu kepada Institusi Baitulmal itu sendiri dan tiada data-data yang diperolehi daripada kajian beliau tentang zakat fitrah. Beliau banyak menumpukan kepada sejarah penubuhan, pengurusan dan bidangkuasa baitulmal tetapi beberapa saranan yang dikemukakan untuk memajukan ekonomi umat Islam adalah baik seperti membuat pelaburan di dalam bidang harta tanah dan membantu golongan rendah membuka perniagaan. Namun demikian, kajian yang dilakukan pada tahun 1967 ini sudah terlalu lama untuk dijadikan rujukan dan dengan sebab itu, penulis membuat kajian ini untuk mengkaji sejauhmana perkembangan baitulmal dan peranannya.

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam usaha untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang berkaitan, penulis telah menggunakan metod-metod tertentu yang sesuai dengan tajuk yang dikaji iaitu metod pengumpulan maklumat dan metod penganalisaan data.

### Metod Pengumpulan Maklumat

Melalui metod ini, penulis menggunakan tiga cara untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan iaitu melalui kajian perpustakaan, temubual dan dokumentasi.

#### 1. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan salah satu metod yang penulis gunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Ia adalah satu teknik di mana seorang penyelidik mendapatkan data yang telah sedia terkumpul dan kemudian mengolahkannya.<sup>1</sup> Melalui metod ini, penulis membuat rujukan daripada bahan-bahan bertulis seperti buku-buku, kitab-kitab, artikel-artikel, beberapa kumpulan kertas kerja, majalah-majalah, risalah-risalah dan sebagainya yang ada kaitan dengan topik kajian di beberapa buah perpustakaan. Metod ini digunakan oleh penulis dalam menyiapkan bab pertama dan bab kedua.

Antara perpustakaan yang penulis kunjungi ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya,

Perpustakaan Negera Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, dan yang tidak kurang pentingnya Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

## 2. Metod Temubual

Metod ini merupakan metod yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pandangan secara lisan daripada seseorang responden dengan cara berbual, secara berhadapan atau melalui telefon.<sup>2</sup> Ianya dibuat untuk mendapatkan keterangan dan maklumat daripada pegawai-pegawai tertentu bagi menambah data-data dan fakta-fakta yang tidak terdapat di dalam mana-mana bahan bertulis atau bercetak.

Di dalam kajian ini, penulis telah mengadakan beberapa sesi temubual atau wawancara dengan para pegawai Baitulmal Negeri Sembilan yang terlibat secara langsung dengan urusan pentadbiran dan pengurusan organisasi tersebut. Hasil dari temubual tersebut, penulis telah mendapat maklumat sebagaimana yang dikehendaki dalam menyiapkan kajian ini. Metod temubual ini banyak digunakan dalam bab yang ketiga dan keempat.

## 3. Metod dokumentasi.

Metod dokumentasi ini bererti cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada kaitan dengan tajuk yang dikaji. Dokumen ialah bahan-bahan bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan dan penjelasan kepada sesuatu penyelidikan.<sup>3</sup>

Di dalam kajian ini, penulis telah membuat kajian dan penelitian terhadap dokumen yang ada kaitan dengan topik yang dikaji. Penulis juga telah memperolehi fakta-fakta dengan berpandukan kepada laporan-laporan tahunan dan risalah-risalah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan selaku badan induk kepada Baitulmal Negeri Sembilan.

Berdasarkan kepada laporan-laporan tahunan dan risalah-risalah ini, penulis telah mengumpul semua maklumat dan perangkaan berkenaan urusan pungutan dan agihan zakat. Penulis juga dapat memahami corak pengurusan dan pentadbiran yang dijalankan di Baitulmal, Negeri Sembilan. Metod dokumentasi ini juga telah digunakan oleh penulis dalam bab yang ketiga dan bab yang keempat.

Penulis juga menggunakan kajian terdahulu sebagai petunjuk kepada penulis dalam mencari isi kandungan yang sesuai dan bertepatan dengan tajuk. Antara kajian terdahulu yang telah penulis gunakan ialah “Pungutan dan Pengagihan Zakat: Kajian perbandingan di antara Pejabat Zakat Negeri Kedah dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan” oleh Muhd. Nur Ismadi b. Ismail dan juga kertas projek yang bertajuk “Institusi Zakat Dan Baitulmal di Negeri Sembilan Dan Pengesyoran Kepada Peranannya Dalam Bidang Ekonomi Dan Sosial” oleh Abdul Haji Lasim.

## **Metod Penganalisaan Maklumat**

Setelah maklumat diperolehi, penulis menggunakan metod yang kedua iaitu menganalisa maklumat. Metod ini dibuat dengan menggunakan tiga kaedah iaitu metod deduktif, induktif dan perbandingan.

### **1. Deduktif**

Metod ini merupakan cara menganalisa data berdasarkan pola pemikiran dengan mengambil data-data yang lebih umum untuk mencari kesimpulan terhadap dalil-dalil yang lebih khusus. Kesimpulan mengenai persoalan kajian dibuat terlebih dahulu sebelum dikemukakan dalilnya.<sup>4</sup> Antara kajian yang penulis gunakan melalui kaedah ini ialah menganalisa angkubah-angkubah umum yang digunakan untuk mengukur tahap akauntabiliti di dalam sistem pungutan dan agihan zakat. Sebagai contoh, angkubah amanah yang berbentuk umum telah difokuskan kepada bidang tugas untuk lembaga pengurus zakat, aspek amalan terhadap kawalan dalaman dan sistem perakaunan, aspek ketepatan terhadap pelaporan maklumat, aspek pemeriksaan terhadap sistem audit dan aspek pandangan terhadap penyertaan pihak yang berkepentingan.<sup>5</sup>

### **2. Induktif**

Metod ini berasaskan kepada cara berfikir yang bermula dengan mendapatkan data-data yang bersifat khusus untuk merumuskan sesuatu kesimpulan yang bersifat umum atau yang dikenali sebagai bersifat generalisasi

iaitu khusus kepada umum.<sup>6</sup> Antara kajian yang penulis gunakan dengan cara ini ialah dengan meneliti data mengenai jumlah pungutan zakat fitrah pada tahun 2000 di setiap daerah di Negeri Sembilan. Setelah penulis meneliti data tersebut, penulis mendapati beberapa daerah perlu meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat fitrah terutamanya di daerah Kuala Pulah, Rembau, Jelebu dan Tampin memandangkan bilangan amil yang dilantik tidak setimpal dengan jumlah kutipan berbanding daerah-daerah lain. Jika didapati bilangan orang Islam yang miskin adalah sedikit, seharusnya pihak baitulmal mengurangkan bilangan amil di dalam daerah tersebut mengikut kesesuaian nisbah amil kepada bilangan orang Islam.<sup>7</sup>

### 3. Perbandingan

Metod perbandingan ialah satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat yang berautoriti dikumpulkan serta dibuat perbandingan dan kesimpulan.<sup>8</sup> Melalui kaedah ini, penulis telah membuat beberapa perbandingan berkenaan data dan maklumat yang telah diperolehi. Antara maklumat dan data yang dibuat melalui kaedah ini ialah:

- i. Perbandingan jumlah kutipan zakat fitrah dari tahun 1992 hingga 2000
- ii. Perbandingan jumlah kutipan zakat fitrah setiap daerah
- iii. Perbandingan jumlah kutipan zakat fitrah antara wang dan beras
- iv. Perbandingan peruntukan belanjawan antara setiap *aṣnāf* bagi tahun 2000

- v. Perbandingan penggunaan wang zakat yang telah dibelanjakan antara setiap *asnāf* bagi tahun 2000.

## MASALAH KAJIAN

Permasalahan kajian adalah berkisar tentang bagaimana satu sistem pengurusan dan agihan dana zakat yang benar-benar efisyen dapat diwujudkan. Sistem yang efisyen adalah sangat penting kerana ia akan membawa kepada pencapaian matlamat dan objektif zakat. Penulis telah memberi tumpuan yang berat terhadap sistem agihan kerana agihan adalah penentu kepada sejauh mana keberkesanan taraf kehidupan dan taraf ekonomi golongan sasaran dapat dipertingkatkan.

Sistem agihan yang kurang berkesan telah menyebabkan taraf hidup golongan sasaran terutama fakir dan miskin masih berada di takuk yang lama. Ia tidak mampu mengeluarkan golongan fakir dan miskin daripada status kemiskinan kepada kesenangan dan ini merupakan satu masalah utama di dalam sistem agihan Baitulmal Negeri Sembilan dan juga mana-mana negeri sekalipun.

Kebanyakkan orang-orang fakir atau miskin yang terkeluar daripada status kemiskinan pula adalah disebabkan faktor yang lain seperti bantuan anak-anak yang telah bekerja, saudara-mara dan orang-orang kampung. Ini memaparkan seolah-olah sistem yang dijalankan selama ini hanyalah sekadar bantuan dan bukannya satu program pembangunan taraf hidup dalam jangka masa panjang.

Masalah yang lain ialah sukar untuk mendapat bahan atau data-data yang benar-benar lengkap tentang institusi zakat terutamanya mengenai Baitulmal Negeri Sembilan. Ini menyebabkan penulis mengambil masa yang agak lama dalam menyiapkan bab ketiga dan keempat. Begitu juga kaedah temubual yang penulis gunakan dalam kajian ini agak terhad dan terbatas kerana para pegawai yang ditemubual terlalu sibuk pada waktu kajian dibuat sepanjang bulan *Syâ'ban* dan *Ramadân*. Ia sedikit sebanyak menghalang penulis mendapatkan maklumat yang lebih terperinci sebagaimana yang dikehendaki.

Penulis juga menghadapi masalah dalam menyiapkan bab pertama dan kedua iaitu kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan tentang konsep zakat fitrah itu sendiri menurut *fiqh*. Rata-rata bahan yang diperolehi merupakan kitab *fiqh* lama manakala rujukan dalam bahasa Melayu juga agak terhad dan hanya membincangkannya secara umum sahaja. Walau bagaimanapun, penulis tetap berasa bersyukur dan berpuashati kerana kajian ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan walaupun masa yang diambil tidak begitu lama.

## **Nota Hujung**

---

<sup>1</sup> Mohd. Shafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*, Cet. 1, UKM, Bangi, 1987, hal: 41

<sup>2</sup> Idris b. Awang, (Prof. Madya. Dr.), *Metodologi Penyelidikan (Nota kuliah Bahagian Syariah)*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1998/1999, t.h.

<sup>3</sup> Imam Barnabid, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yayasan FIB-IKIL, Yogyakarta, 1982, hal:52

<sup>4</sup> Idris b. Awang, (Prof. Madya. Dr.), *op.cit.*, t.h.

<sup>5</sup> Sila rujuk Bab Lima, Analisa pengukuran tahap akauntabiliti, hal:148-151

<sup>6</sup> Idris b. Awang, (Prof. Madya. Dr.), *op.cit.*, t.h.

<sup>7</sup> Sila teliti data di Bab Keempat, Jadual 4: Jumlah Pungutan Zakat Fitrah 2000, hal: 95 dan huraianya, hal: 96-97

<sup>8</sup> Idris b. Awang, (Prof. Madya. Dr.), *op.cit.*, t.h.